

News about PSB

Kumpulan Smarty menang RM5,000 juarai mini Konvensyen KIK UUM

Utusan Malaysia, 4 Mac 2015



Dalam Akhbar
Unit Komunikasi Korporat

Tarikh: 4 Mac 2015 Muka Surat: 27

☒ Utusan Malaysia
☐ Berita Harian

☐ Kosmo
☐ Harian Metro

☐ Sinar Harian
☐ News Straits Times

☐ The Star
☐ The Sun

☐ NanYang Siong Pau
☐ Sin Chew Daily

☐ Kwong Wah Yit Poh
☐ China Press

☐ Tamil Nesan Daily
☐ Melayu Mawar

Kumpulan Smarty menang RM5,000 juarai Mini Konvensyen KIK UUM

ALOR SETAR 3 Mac - Kumpulan Smarty dari Perpustakaan Sultanah Bahiyah berjaya memikat hati juri apabila dinobatkan sebagai juara Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM) 2014 yang berlangsung selama dua hari di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM, baru-baru ini.

Kumpulan Smarty yang dianggotai tujuh ahli termasuk seorang fasilitator berjaya menewaskan 13 pasukan lain yang mewakili Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi merebut gelaran juara dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM 5,000, piala dan sijil penghargaan.

Fasilitator Smarty, Hanie Azyyati Abdul Jamil berkata, pasukan mereka telah menghasilkan produk 'Malaysian Academic Libraries Repository' bertujuan menyelesaikan masalah kesukaran pencarian bahan dalam

laman Repository perpustakaan.

"Kami melihat projek ini memberi kesan berguna kepada pengguna, bukan sahaja di UUM malah turut melibatkan IPTA lain.

"Projek ini telah berjalan sejak September lalu bagi meningkatkan akses kepada bahan penerbitan dan secara tidak langsung menambatkan sistem i-Repository yang menghadapi masalah," katanya di sini baru-baru ini.

Majlis penutup Mini Konvensyen KIK disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Hanie Azyyati berkata, dengan produk baharu itu pengguna dapat mencari hasil penerbitan pensyarah seperti jurnal dan tesis.

Dalam pada itu, tempat kedua dimenangi Kumpulan Energetic dari Institut Pengurusan Kualiti (IPQ).



KUMPULAN Smarty bersama replika cek dan piala yang dimenangi dalam Mini Konvensyen KIK Universiti Utara Malaysia di Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Info-Hunt uji pemahaman pelajar

Berita Harian, 23 Julai 2015



Mazyana (kanan) memberi penerangan kepada peserta Info-Hunt.



Peserta bekerjasama mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Info-Hunt uji pemahaman pelajar

Oleh Siti Zaleha Ahmad Nadzim
bhvarstij@bh.com.my

► Sintok

Berlari pantas sambil menaiki tangga untuk mendapatkan bahan di Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB), **Universiti Utara Malaysia (UUM)** antara cabaran kecil dilalui 35 peserta program Info-Hunt, baru-baru ini.

Peserta yang terdiri daripada pelajar program Asasi Pengurusan UUM itu perlu mencari dan mengumpul maklumat di setiap 'checkpoint' ditetapkan sepanjang cabaran berkenaan.

Pustakawan PSB, Mazyana Hashim, berkata program ala 'explorace' anjuran PSB itu bertujuan menguji tahap kefahaman pelajar mengenai kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan PSB seperti sumber maklumat, lokasi bahan dan teknik pencarian bahan yang serba canggih.

"Kemahiran ini penting dalam membantu pelajar mencari dan mendapatkan bahan bagi melengkapkan tugas mereka dengan lebih berkesan.

Akses maklumat

"Di PSB, kami menyediakan segala keperluan itu demi memastikan setiap pelajar dan pensyarah dapat mengakses maklumat serta memperoleh bahan yang diperlukan dengan mudah," katanya.

Menerusi Info-Hunt, katanya, setiap pelajar diberikan soalan yang memerlukan mereka mencari bahan yang ada di PSB, menggunakan nombor panggilan sebelum menyerahkannya kepada pustakawan.

Mazyana berkata, pelajar diba-



Sebahagian daripada peserta memulakan cabaran masing-masing.

hagikan kepada tujuh kumpulan serta mereka perlu bersaing untuk mendapatkan pelbagai maklumat dengan betul dan cepat.

"Kumpulan Kuning yang menunjukkan semangat berpasukan yang tinggi dalam menyelesaikan tugas dengan

pantas layak bergelar juara, diikuti Merah Jambu dan Biru, masing-masing di tempat kedua dan ketiga," katanya.

“PROGRAM ALA 'EXPLORACE' ANJURAN PSB ITU BERTUJUAN MENGUJI TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR MENGENAI KEMUDAHAN SERTA PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN PSB SEPERTI SUMBER MAKLUMAT, LOKASI BAHAN DAN TEKNIK Pencarian BAHAN YANG SERBA CANGGIH”

Mazyana Hashim,
Pustakawan PSB



Peserta teruja berpeluang mengenali lebih dekat perkhidmatan ditawarkan PSB.

Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM semarakkan semangat patriotisme

Utusan Malaysia, 16 September 2015



Tarikh: 16 Sept 2015 Muka Surat: 42

☐ Utusan Malaysia ☐ Kosmo ☐ Sinar Harian ☐ The Star ☐ NanYang Siang Pau ☐ Kwong Wah Yit Poh ☐ Tamil Nesan Daily
☐ Berita Harian ☐ Harian Metro ☐ News Straits Times ☐ The Sun ☐ Sin Chew Daily ☐ China Press ☐ Malaysia Namban

Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM semarakkan semangat patriotisme

KUBANG PASU 15 Sept. - Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini baru-baru ini mengambil inisiatif menganjurkan Pameran Kemerdekaan sempena memperingati Hari Malaysia pada 16 September ini.

Ketua Penolong Pendaftar Kanan, Azmi Hamid berkata, pameran bertemakan Sehati Sejiwa itu bertujuan memberi maklumat kepada pelajar tentang sejarah negara ini khususnya bermula daripada detik kebangkitan, pra kemerdekaan dan era perkembangan nasionalisme sehinggalah saat mencapai kemerdekaan.

"Fakta dan teks sejarah ini juga menjadi lebih menarik dengan dihiasi gambar tokoh pejuang serta peristiwa penting yang berlaku bukan sahaja membolehkan pembaca memahami mengenai kemerdekaan malah dapat menghayati serta melihat imbasan detik bersejarah.

"Pameran ini tepat pada masanya memandangkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, mengandungi banyak info dan grafik menarik berkenaan momen tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurut Azmi, pameran anjuran PSB dengan kerjasama Jabatan Penerangan dan Jabatan Arkib Negara Cawangan Negeri Kedah/Perlis tersebut mendapat sambutan membarangsangkan terutamanya dengan kehadiran pelajar baharu.

Salah seorang pelajar yang ditemui, Mohd. Harun Abu Bakar, 22, pameran tersebut membolehkan para pelajar mendapat maklumat mengenai perjuangan perwira tanah air mendapatkan kemerdekaan dan pembangunan yang diperolehi sehingga kini.

"Generasi muda perlu tahu asal-usul dan sejarah negara barulah dia tahu siapa dirinya dan menghargai kenikmatan yang dikecapi pada hari ini yang bukan datang bergolek sebaliknya hasil perjuangan pejuang yang bermati-matian mempertahankan kedaulatan.

"Pameran ini memupuk semangat patriotik, mengimbau kembali sejarah kesusahan perjuangan kemerdekaan dan berharap warga UUM memerdekakan diri bukan sahaja dari cengkaman penjajah tetapi juga merdeka minda," kata pelajar perakaunan tersebut.

Sementara itu, pelajar Pengurusan Hospitaliti, Puvana Ulagathan, 22 berkata, dia tertarik dengan pengisian pameran yang diselitkan dengan pelikan mutiara kata oleh pemimpin negara sambil menyuntik semangat sayang kepada tanah air.

Dia menyambut baik program berinformasi yang turut memberi peluang kepada warga kampus membaca buku mengenai sejarah kemerdekaan yang dipamerkan di lokasi pameran.

Lain pula pendapat, pelajar antarabangsa dari Harpin, China, Zhu Meng, 21, dia berasa teruja apabila melihat kibaran jalur gemilang di merata tempat, bangunan dan kenderaan sebagai simbolik menzahirkan semangat cintakan negara.

"Sambutan penuh warna warni di Malaysia membawa mesej kesyukuran dan menghargai kemakmuran yang terdiri daripada pelbagai kaum bangsa dan agama.

"Setiap orang saling hormat menghormati, bertoleransi dan melengkapi antara satu sama lain yang menjadikan Malaysia terus aman dan berkembang pesat," ujar pelajar jurusan Kewangan itu.

Print